

Ketiadaan acara silat dlm sukan SEA dijelaskan

PENCAR SILAT
ACARA silat dan lain-lain jenis seni mempertahankan diri tidak disertakan dalam Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) baru-baru ini sebagai pertunjukan ataupun pertandingan, kerana ia tidak termaktub sebagai acara yang boleh dianjurkan, dalam Perlembagaan Persekutuan Sukan SEA. **21 JUN 1983**

Ini telah dijelaskan oleh Encik S.S. Dhillon, yang menjadi Setiausaha Majlis Persekutuan Sukan SEA merangkap Setiausaha Jawatankuasa Penganjur sukan itu, yang telah berlangsung di Singapura dari 28 Mei hingga 6 Jun lalu.

Salah sebuah badan seni mempertahankan diri di sini — Persekutuan Silat Singapura (Persisi) — yang telah mengusulkan agar acara tersebut disertakan, telah melahirkan rasa dukacita dengan alasan yang diberikan oleh pihak majlis di sini atas penolakan tersebut.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, berpendapat bahawa acara itu sebenarnya boleh diadakan kerana negara tuan rumah yang menganjurkan Sukan SEA boleh memutuskan untuk mengadakannya.

Fahami

Katanya: "Walaupun perlembagaan tidak menyertakan acara seni mempertahankan diri termasuk silat, sebagai acara-acara yang boleh dianjurkan (kecuali judo), namun ia tidak bererti bahawa acara-acara itu tidak boleh diadakan."

Menurut Encik Johari, sebagaimana yang beliau fahami, negara tuan

rumah sebenarnya boleh menentukan sama ada satu-satu acara itu boleh disertakan atau tidak.

Contohnya ialah Indonesia yang telah memuatkan acara silat sebagai pertunjukan dan pertandingan dalam Sukan SEA yang berlangsung di sana pada 1978.

Beliau merasa bahawa silat khususnya, adalah sesuai disertakan sebagai salah satu acara sukan dalam Pesta Sukan SEA kerana ia mengandungi empat ciri penting — ciri-ciri kesenian, membela diri, olahraga dan latihan rohani.

Laungan

"Tambahan pula, silat telah terkenal di seluruh rantau Asia Tenggara dan kerana itu ia bukan lagi menjadi sejenis sukan yang asing," kata beliau.

Encik Johari juga berpendapat bahawa dengan tiadanya penonjolan terhadap berbagai jenis seni mempertahankan diri sebagai acara sukan yang sihat dalam Sukan SEA, ia seolah-olah bertentangan dengan laungan yang dibuat untuk menggalakkan pengembangan seni tersebut, khususnya di kalangan belia.

Bagaimanapun, Encik Johari tidak berpatah hati dan berharap agar acara seni mempertahankan diri termasuk silat, dapat diadakan bila Pesta Sukan SEA yang ke-13 diadakan di Brunei pada 1985.

Beliau menerangkan bahawa saranan Persisi agar seni silat disertakan dalam pesta itu baru-baru ini telah dibuat menerusi Persekutuan Silat Antarabangsa di Indonesia, yang kemudian mengusulkannya kepada Majlis Olimpik Kebangsaan di negara itu.

Pusat RC
23 JUN 1983
di Cheng San

PENCAR SILAT
PERTUNJUKAN seni mempertahankan diri akan menjadi acara kemuncak majlis perasmian Jawatankuasa Penduduk Zon A Cheng San pada Ahad ini mulai 7.00 malam.

Pusat yang terletak di Ang Mo Kio Avenue 3 itu akan dibuka oleh Menteri Negara (Pembangunan Negara) Encik Lee Yock Suan.

Bolehkah masjid digunakan utk latihan silat?

25 JUN 1983

MELALUI ruangan ini kami ingin mengajukan pertanyaan kepada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Dari segi hukum Islam, bolehkah pekarangan masjid digunakan untuk kegiatan/latihan silat, hadrah dan kompiang yang melibatkan percampuran/pergaulan lelaki dan perempuan?

Ini kerana kegiatan itu ada dijalankan di sebuah masjid yang kami ketahui sejak beberapa tahun yang lalu.

PENCAR SILAT
Ada kalanya latihan-latihan silat yang terdiri dari muda-mudi dijalan-

kan di masjid itu hingga larut malam.

Setelah tamat latihan, setengah-setengah muda-mudi itu tidak segera pulang, tetapi sebaliknya mereka berpoya-poya dan bergurau-senda di sekitar masjid.

Keadaan ini tentu kurang manis dipandang oleh masyarakat Islam yang tinggal di sekitar masjid itu.

Kami tidak faham mengapa Lembaga Pentadbir Masjid tersebut mengadakan kegiatan serupa itu?

Apa yang dapat saya perhatikan ialah perkara tersebut melanggar tatasusila ugama Islam?

Umat Islam,
Queenstown.